

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
KAWASAN : SIK
TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)
NO. SOALAN : 26

SOALAN

YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bidang industri dan perdagangan yang menjadi keutamaan dan kelebihan Malaysia dalam berniaga dan eksport sesama 12 Negara yang terlibat dalam TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Malaysia akan menikmati akses pasaran berkeutamaan khususnya ke 4 pasaran FTA yang baharu, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana negara-negara ini belum mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas dengan Malaysia. Melalui TPP, sebahagian duti import yang pada masa ini dikenakan oleh negara-negara tersebut akan dihapuskan secara serta merta.

2. Berdasarkan kepada kajian kos-analisa yang telah dijalankan, bidang atau sektor bagi Malaysia yang akan mendapat faedah dari segi eksport kepada negara TPPA adalah elektrik dan elektronik, barangan getah dan kayu, alat ganti automotif, tekstil serta minyak sawit.

3. Pengeksport Malaysia kini perlu membayar duti import sehingga 20% dalam pasaran TPP, terutama dalam pasaran rakan FTA baru. Negara-negara ini mengenakan tarif yang tinggi bagi peralatan elektrik, alat-alat telekomunikasi dan elektronik pengguna. Pasaran eksport Malaysia ke negara-negara ini pada tahun 2015 berjumlah US\$23 bilion. Pengurangan tarif telah dipersetujui oleh setiap negara TPP dan ini akan menyumbang kepada peningkatan eksport bagi industri elektrik dan elektronik yang telah menjadi penyumbang utama kepada pendapatan eksport Malaysia.

4. Bagi barangan getah pula, Malaysia merupakan peneraju pasaran bagi sarung tangan getah di Amerika Syarikat dan Kanada, dan kedua di Peru dan Mexico selepas China. Barangan getah terutamanya sarung tangan getah kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport Malaysia. Produk eksport utama di bawah kategori umum barangan getah adalah tiub dan paip serta bahagian-bahagian automotif dan aksesori.

5. TPPA akan memberikan kelebihan yang ketara kepada para pengeksport Malaysia berbanding dengan pesaing serantau dalam eksport produk berasaskan kayu dan perabot ke negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Jepun. Pemansuhan duti import serta-merta dengan kuat kuasanya TPP oleh Kanada dan Amerika Syarikat akan

menyediakan platform persaingan yang adil bagi pengeksport Malaysia untuk bersaing dengan pesaing serantau yang masih menikmati Sistem Keutamaan Am (GSP) di Amerika Syarikat dan Kanada.

Tuan Yang DiPertua,

6. Ingin juga saya maklumkan bahawa Jepun telah mengecualikan papan lapis dari senarai tawarannya dalam FTA sedia ada dengan Malaysia iaitu di bawah Malaysia-Japan FTA dan ASEAN-Jepun FTA. Walau bagaimanapun, di dalam TPPA, Jepun telah bersetuju untuk memberi akses pasaran yang lebih baik untuk papan lapis dan ini akan meningkatkan eksport dari Malaysia yang kini menjadi pengeksport terbesar papan lapis ke Jepun, dengan purata nilai eksport US\$700 juta setahun.

7. TPPA akan membuka pasaran baru kepada sektor automotif serta industri pengusaha komponen dan alat ganti automotif terutamanya di negara TPP seperti Mexico, Kanada, dan Peru apabila rintangan akses pasaran dihapuskan bawah TPPA. Sebagai contoh, melalui Bab Peraturan Tempasal, syarikat-syarikat tempatan khususnya pengeluar komponen dan alat ganti mendapat peluang untuk menyertai rantai bekalan dalam rantau TPPA kerana syarikat-syarikat pembuat kenderaan perlu menggunakan input daripada negara TPP untuk mendapatkan layanan istimewa bagi tujuan eksport khususnya ke Amerika Syarikat dan Kanada. Sebagai contoh, 45% kandungan untuk komponen dan alat ganti automotif perlu berasal dari negara TPP.

8. Dengan TPPA, duti import bagi hampir 73% daripada eksport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPPA. Tanpa TPPA, hanya 11% daripada eksport tekstil ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar.

9. Bagi industri kelapa sawit, TPPA akan memberi kelebihan kepada syarikat tempatan berbanding pesaing utama iaitu Indonesia, khususnya bagi pasaran Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru di mana Malaysia tidak mempunyai sebarang FTA pada masa ini. Eksport produk-produk sawit ke negara-negara TPPA pada tahun 2014 adalah bernilai RM12.57 bilion iaitu 19% daripada keseluruhan eksport global produk-produk sawit negara pada tahun 2014. Amerika Syarikat merupakan pasaran eksport utama produk-produk sawit negara iaitu sebanyak RM4.2 bilion.

10. Dengan TPPA, produk sawit Malaysia bakal menikmati penurunan duti import kepada sifar dari kadar semasa yang dikenakan oleh negara-negara TPPA (Kanada mengenakan duti sehingga 218%). Penghapusan sepenuhnya (100%) duti import ini diberikan oleh semua negara-negara TPPA (kecuali Mexico yang menghapuskan duti import untuk 98.7% produk sawit). Selain daripada itu, Bab *Technical Barriers to Trade* (TBT), telah mengiktiraf ujian pematuhan standard produk sawit yang dilakukan di Malaysia dan ujian ulangan (*re-testing*) tidak perlu dilakukan apabila produk Malaysia dieksport ke Amerika Syarikat ataupun negara TPP yang lain.

11. TPPA juga akan membuka pasaran perolehan Kerajaan, khususnya di Amerika Syarikat yang pada masa ini adalah tertutup bagi eksport dari Malaysia. Ini akan membolehkan pengeksport Malaysia untuk membekal barangan seperti *surgical* dan *gloves, medical equipment*, pakaian dan kasut.

Tuan Yang DiPertua,

12. Melalui penyertaan Malaysia dalam TPPA, produk Malaysia akan dapat berdaya saing di pasaran TPP dalam menghadapi persaingan produk dari negara serantau seperti Viet Nam, dan Singapura yang juga merupakan ahli TPP. Usahawan-usahawan tempatan akan dapat mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka dan menyertai rangkaian bekalan global melalui pembekalan kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia atau pun syarikat-syarikat di negara-negara TPP.

SULIT

SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABD. AZIZ BIN
HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR
BAHARU]**

SOALAN : 27

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meletakkan Agensi Penguatkuasa seperti SPRM, Peguam Negara dan Jabatan Audit Negara di bawah pengurusan dan pengawasan Jawatankuasa Khas Parlimen supaya integriti dan kredibiliti laporan penguatkuasa ini akan lebih terjamin dan mengelakkan daripada terhakisnya keyakinan rakyat terhadap institusi ini.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum bercadang untuk meletakkan agensi-agensi terbabit di bawah Jawatankuasa Khas Parlimen.

Sekian. Terima kasih.